

MSM medan perkongsian ilmu

► Interaksi alumni UMS dengan pelajar baharu

KOTA KINABALU: Seramai 14 alumni dari setiap fakulti di Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengambil bahagian dalam Program Bersama Alumni Anda sempena Minggu Suai Mesra (MSM) sesi 2016/2017, baru-baru ini.

Pengarah Pusat Alumni UMS Mohd Raffie Hj Janau berkata program itu adalah sebagai medan perkongsian paraalumni yang telah berjaya dalam bidang masing-masing untuk berkongsi pengalaman ketika bergelar mahasiswa UMS dahulu.

"Alumni yang dijemput itu terdiri daripada usahawan, jurutera, pengurus sumber manusia, timbalan pengarah, ahli geologi, pensyarah, pengurus kualiti makanan dan yang berkaitan dengan fakulti masing-masing.

"Menerusi usaha ini, para



MA Yuan Peng @Martin, wakil Alumni Pelajar Antarabangsa.

alumni memberi suntikan semangat kepada pelajar baharu agar tidak meniaisiakan peluang yang ada dan fokus dalam menamatkan pengajian dengan jayanya sekali gus meraih segulung ijazah," katanya dalam satu kenyataan kelmarin.

Program itu merupakan acara tahunan anjuran Pusat Alumni yang telah dimulakan pada MSM sesi 2015/2016.

Dalam pada itu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Prof Madya Dr Ismail Ali turut menyatakan sokongan penuh ke atas aktiviti anjuran Pusat Alumni dan berbangga dengan kejayaan alumni UMS.

"Mereka juga telah berkongsi idea dan memberi nasihat kepada pelajar baharu mengenai prospek kerjaya selepas menamatkan



MUHAMMAD Gaddaffi Gulistan, Pengarah Urusan Unsur Hebat Sdn Bhd.

pengajian dengan mengaitkan kursus serta kurikulum yang diajar di universiti yang boleh diaplikasikan di alam pekerjaan," katanya.

Untuk rekod, Pusat Alumni mengambil pendekatan itu

bagi menanamkan rasakan kepunyaan dalam kalangan pelajar kepada alma mater bermula hari pertama menjejakan kaki di UMS dan bukannya hanya dijejaki setelah mereka bergelar alumni.